

Panduan bentuk keluarga cemerlang

Kerap solat berjemaah bersama anak, isteri eratkan kasih sayang

Oleh Asri Md Saman @ Osman

ASAS pendidikan anak bermula dari rumah maka jika di rumah mereka tidak mendapat asas pendidikan Islam yang mantap, sudah tentu sukar untuk membentuk peribadi muslim sejati kerana pengaruh dan pancaroba di luar rumah lebih dahsyat.

Oleh itu, ajaran Islam menentukan cara melahirkan rumah tangga Islam mampu menumbuhkan tunas Islam yang akan menjalar dan membesar dengan sempurna, tidak boleh dihalang atau dipengaruhi gejala maksiat yang merosakkan.

Firman Allah yang bermaksud: *"Sesungguhnya mereka itu adalah anak muda yang beriman kepada Tuhan mereka, maka kami (Allah) menambahkan kepada mereka dengan hidayah."* (Surah Al-Kahfi, ayat 13)

Bagaimana kita mahu membina sebuah rumah tangga cemerlang? Bersamalah kita renungkan keadaan rumah tangga kita, apakah yang sudah kita laksanakan dan usahakan untuk membina keluarga harmoni?

Ada beberapa perkara perlu dilaksanakan antaranya, solat berjemaah dan bagi pasangan yang bekerja, solat berjemaah bersama anak biasanya dilazimi pada waktu Subuh, Maghrib dan Isyak kerana ketika itu semua ahli keluarga berada di rumah.

Semoga dengan solat berjemaah ini mampu menyemai kasih sayang bersama, di samping dapat menikmati ukhuwah silaturahim antara ahli keluarga ditambah pula aktiviti membaca buku ilmiah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

Anak mesti diasuh membaca buku ilmiah supaya otak mereka sering berfungsi dengan baik bagi melahirkan generasi rabbani yang tidak kering idea dan sentiasa berfikir untuk masa depan demi melahirkan mujahid serta mujahidah yang cerdas.

Selain itu, ikatan erat antara keluarga penting. Ibu bapa perlu menanam rasa tanggungjawab terhadap keluarga dan mengajar anak mementingkan ikatan yang baik sesama mereka. Ibu bapa jangan jadikan alasan sibuk sebagai penghalang untuk meluangkan masa bersama anak.

Perlu diingatkan, sentiasa membiasakan mulut dengan al-Quran adalah tunggak utama keharmonian keluarga Muslim. Disarankan ibu bapa menganjurkan anak membaca al-Quran setiap kali selepas solat lima waktu.

Tidak perlu ayat yang panjang, paling tidak pun sepotong ayat dengan maksud untuk difahami bagi membiasakan lidah mengalunkan zikir dan ayat al-Quran. Semoga usaha ini mampu mewujudkan rumah tangga dilimpahi cahaya Rabbani.

Islam juga mewajibkan ibu bapa mendidik anak dengan pendidikan Islam, mengajar mereka mengenal Allah SWT, sifat baik, akhlak dan kesopanan, mengajar mereka batas halal serta haram.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluargamu daripada api neraka, yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat yang keras kasar (layanannya). Mereka tidak menderhaka kepada Allah*



IBU BAPA perlu menanam nilai kasih sayang antara anggota keluarga.

B/H 19/4/12 G.

PETIKAN AL-QURAN



Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Anugerahkanlah kepada kami isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertakwa

Surah al-Furqan
Ayat 74

dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan." (Surah At-Tahrim, ayat 6)

Allah SWT memerintahkan umat Islam berusaha menyelamatkan diri dan ahli keluarga daripada azab api neraka dengan beramal menurut ajaran Islam. Suami hendaklah memastikan isteri mematuhi ajaran Islam, melaksanakan apa yang diwajibkan serta meninggalkan larangan Allah SWT.

Ibu bapa hendaklah sentiasa memerhatikan tingkah laku anak, bertanya ke mana mereka pergi, siapakah yang menemaninya dan bila akan pulang. Jangan membiarkan anak melakukan perkara melanggar batas agama.

Kita dapati ramai anak tidak menunaikan solat hanya kerana sibuk melayani rakan termasuklah kenalan maya di e-mel, facebook dan blog. Berlaku juga dalam kalangan anak remaja yang hanya pulang ke rumah untuk tidur dan makan saja. Sepatutnya rumah menjadi

benteng pertahanan terakhir keluarga daripada anasir bertentangan Islam, tetapi benteng ini telah runtuh dan musnah akibat ibu bapa bertindak sambil lewa mendidik anak-anak.

Ingatlah, anak adalah harta dan amanah dikurniakan Allah SWT untuk dipelihara dan dibentuk menjadi hamba Allah bertakwa. Jika seseorang itu bekerja bersungguh-sungguh mencari sesuap nasi sedangkan rezeki esok hari belum dapat dipastikan lagi, mengapakah kita mensia-siakan anak dikurniakan Allah SWT, sedangkan anak itu akan menjadi pusaka berharga apabila kita tiada lagi.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Anugerahkanlah kepada kami isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertakwa."* (Surah al-Furqan, ayat 74)